



## SIARAN AKHBAR

S.A. 2024/01/21\_01 (HQ)

### **TNB DIIKTIRAF ATAS KOMITMEN TINGGI TERHADAP KESELAMATAN NEGARA DAN PERALIHAN TENAGA DI PENGANUGERAHAN APBSP**

- NLDC TNB meraih pengiktirafan tertinggi dengan penganugerahan 5-Bintang atas kecekapan operasi pembekalan elektrik serta penjagaan aset kritikal negara
- TNB turut merangkul anugerah 5-Bintang bagi Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah dan 4-Bintang bagi substesen utamanya di Bukit Tambun dan Chuping

**Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC) Tenaga Nasional Berhad (TNB)** membuktikan dedikasi kukuh terhadap keselamatan negara dan peralihan tenaga dengan meraih anugerah tertinggi dalam Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting (APBSP) 2023, oleh Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan (CGSO) di bawah Jabatan Perdana Menteri (JPM).

Pengiktirafan anugerah tertinggi 5 bintang kepada NLDC ini memperlihatkan kepakaran TNB dalam memastikan operasi pembekalan elektrik yang cekap di samping kawalan keselamatan yang tinggi dan cemerlang bagi memastikan aset kritikal negara kekal selamat.

Sebanyak 28 syarikat tersenarai menerima pengiktirafan dalam lima kategori semasa APBSP 2023 atas pengurusan kawalan keselamatan dan perlindungan yang tinggi dan cekap bagi instalasi-instalasi kritikal negara. Stesen Janakuasa Sultan Azlan Shah di Bersia, Perak dan substesen utama TNB di Bukit Tambun, Pulau Pinang, dan Chuping, Perlis masing-masing turut diiktiraf 5 dan 4 bintang dalam anugerah yang sama.

Anugerah tersebut disampaikan oleh Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum di Bangsar. Penilaian anugerah adalah berdasarkan lima bidang penting iaitu komitmen pengurusan, keselamatan fizikal, keselamatan dokumen, keselamatan personel dan keselamatan ICT.

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif TNB, Dato' Seri Ir. Baharin Din, mengungkapkan kebanggaan terhadap penerimaan anugerah-anugerah ini yang menterjemahkan komitmen berterusan TNB dalam menjaga aset kritikal negara dan usaha gigih melaksanakan Peralihan Tenaga yang bertanggungjawab.

"Selari dengan aspirasi TNB dalam menyokong agenda kelestarian dan mencapai Sifar Bersih menjelang 2050, penekanan digitalisasi dan automasi secara signifikan meningkatkan kualiti perkhidmatan keselamatan. Kami sentiasa memantau keselamatan aset utama di seluruh

negara dengan memberi keutamaan kepada keupayaan pencegahan, pengurusan insiden, dan menangani risiko keselamatan yang semakin berkembang."

Beliau turut menekankan peranan penting Jabatan Perkhidmatan Keselamatan TNB, TNB Global Business Solutions (TGBS) yang berdepan pelbagai ancaman dan cabaran dalam menguruskan keselamatan aset bernilai RM205,922.3 juta di seluruh negara.

"Kerjasama dengan agensi keselamatan negara sentiasa menjadi komitmen kami. TNB akan setia memberikan sokongan padu untuk pembangunan dan pengukuhan keselamatan negara di tengah arus perubahan dinamik serta skop kerja yang semakin berkembang." ulas Baharin.

Menjelaskan peranan penting NLDC, beliau menekankan kepentingannya sebagai nadi dalam memastikan keseimbangan di antara pembekalan dan permintaan tenaga. "Memastikan pemantauan, penjadualan, dan penghantaran tenaga dari pelbagai stesen penjanaan adalah tanggungjawab utama NLDC. Justeru, adalah penting untuk mengekalkan pengurusan keselamatan dan perlindungan sentiasa di tahap yang tinggi bagi mencapai objektif kami." tambahnya lagi.

**Dikeluarkan di Kuala Lumpur pada 21 Januari 2024, jam 11:00 pagi**


*Untuk pertanyaan lanjut media, sila hubungi Hanim Idris 019-2617617 / Grace Tan 016-6626229 / Faiq Haikal 013-3889606 / Atikah Aqilah 011-10772731  
atau emel kami: [media@tnb.com.my](mailto:media@tnb.com.my)*

#### **Mengenai NLDC:**

Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC) beroperasi di bawah seliaan *Grid System Operator* (GSO). GSO merupakan entiti yang diasingkan dalam struktur organisasi TNB, bertanggungjawab untuk operasi dan kawalan Sistem Grid Semenanjung Malaysia serta memastikan sistem grid berfungsi secara selamat, berdaya harap dan paling ekonomi. Dalam pengurusan sistem grid, GSO menguruskan rangkaian penghantaran, penjadualan semula dan penghantaran secara masa sebenar untuk semua penjana dalam sistem dan operasi sambung tara, koordinasi semua pihak yang disambungkan kepada Sistem Grid, perancangan jangka pendek dan sederhana untuk rangkaian penghantaran dan kemudahan penjanaan. Berkenaan dengan operasi harian, GSO perlu mematuhi Akta Bekalan Elektrik 1990 (ESA), Kod Grid untuk Semenanjung Malaysia (Pindaan) 2020 (GCPM), dan dipandu oleh *Transmission System Reliability Standard (TSRS)*.



Head Grid System Operator (GSO) TNB, Ir. Shanmugam Thoppalan, menerima Anugerah Penarafan Bintang Sasaran Penting (APBSP) daripada Menteri Dalam Negeri, Datuk Seri Saifuddin Nasution Ismail mewakili pihak Pusat Kawalan Muatan Kuasa Nasional (NLDC), TNB.



Simposium 'Cabaran Risiko Keselamatan Ke Arah Peralihan Tenaga' yang diadakan di Pusat Konvensyen Leo Moggie, TNB Platinum menyaksikan penyertaan ramai agensi keselamatan negara bagi membincangkan sasaran dan cabaran penting dalam menuju peralihan tenaga yang bertanggungjawab.